



# Pemasangan Jalur Lebar Bantu Pelajar UMS

Oleh Jaidin Sabudin

Kota Kinabalu, 14 Mei - Pelaksanaan jalur lebar (*wifi*) di setiap Kolej Kediaman Universiti Malaysia Sabah (UMS) sangat membantu para pelajar UMS setelah sekian lama isu ini diperjuangkan oleh mahasiswa.

Pemasangan jalur lebar ini telah diperjuangkan para pelajar sekian lama akibat daripada pelbagai masalah dalam kalangan pelajar untuk mengakses internet dan memudahkan proses pembelajaran dan pelajaran selari dengan konsep *e-learning* pada masa kini.

Menurut pelajar Kolej Kediaman Tun Mustapha, Muhammad Fakrul Razi, 21, berpendapat, dengan adanya *wifi* di setiap blok Kolej Kediaman telah memudahkan pelajar untuk akses sistem maklumat pelajar dengan lebih mudah dan sistematik yang mana pelajar tidak perlu ke perpustakaan untuk mendapatkan internet.

Pelajar Kolej Kediaman Sri Angkasa, Syahidatun Malini Binti Hj Taulani, 21, pula kata pemasangan *wifi* dalam kolej kediaman ini sememangnya memberi kebaikan kepada para pelajar.

"Kesan pemasangan jalur lebar ini lebih menjimatkan perbelanjaan pelajar kerana sebelum ini pelajar terpaksa membeli data internet yang mahal untuk mengakses internet atau terpaksa pergi ke perpustakaan untuk mendapatkan jaringan internet," tambahnya.

Pemasangan ini juga bertujuan untuk melahirkan

mahasiswa yang bukan sahaja celik IT tetapi juga menggalakkan penerokaan ilmu baharu khususnya dalam bidang teknologi sekaligus menerapkan pelajar belajar secara *e-learning*.

Pelajar Hubungan Industri, Dorina Bullet Anak Nading 22, berkata pula, *wifi* adalah di antara nadi pelajar bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran, justeru itu pemasangan *wifi* ini seharusnya sudah berlaku dari dahulu lagi.

Pandangan sama juga dilontarkan oleh pelajar Seni Kreatif Norhashimah Binti Shahrom, 23, beliau menekankan pemasangan *wifi* terlalu sensitif dalam kalangan pelajar kerana isu ini sering disuarakan tetapi baru mendapat perhatian.

"Apa yang saya ingin katakan di sini adalah sebagai pelajar, saya mengalami masalah untuk dapatkan akses baik terutama dalam menyiapkan projek akhir, saya yakin masalah ini bukan sahaja melibatkan diri saya malah turut melibatkan pelajar, pensyarah, kakitangan UMS dan sebagainya," tambahnya lagi.

Pemasangan jalur lebar di kolej kediaman juga amat membantu pelajar dalam proses mencari bahan pelajaran menggunakan internet di samping pelajar turut digalakkan oleh para pensyarah untuk menghantar tugas melalui email, perbincangan dalam Facebook dan juga pelajar turut menjawab soalan tugas menggunakan media sosial.